

Penjagaan awal memastikan anak anda mempunyai kesihatan mulut yang baik sepanjang hayat



MASALAH KARIES BOTOL SUSU



BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MOH/K/GIG/15.2007 (PT) Pin. 2



Apakah karies botol susu?

Karies botol susu adalah kerosakan gigi pada kanak-kanak akibat dari penyusuan.

Apakah yang menyebabkan karies botol susu ?

Masalah karies gigi (kerosakan gigi) boleh berlaku sekiranya bayi atau kanak-kanak dibiarkan terlena dengan menghisap susu atau air manisan dari botol. Kandungan cecair akan menyelaputi gigi sepanjang waktu bayi tidur. Tindakbalas di antara bakteria yang berada di dalam mulut dan kandungan gula di dalam cecair akan menghasilkan asid.

Asid ini akan bertindak dan merosakkan gigi. Jika tabiat menghisap botol susu semasa tidur ini berterusan, gigi bayi atau kanak-kanak akan rosak.



Gigi manakah yang terlibat oleh karies botol susu?

Gigi yang sering kali rosak ialah gigi hadapan atas. Gigi belakang pula menjadi rosak sekiranya keadaan dibiarkan.

Gigi bertukar warna coklat dan ada juga berwarna kehitaman.



Apakah akibat karies botol susu kepada kanak-kanak ?

Gigi yang rosak boleh mengakibatkan masalah berikut :

- Kesakitan
- Susah mengunyah makanan
- Tumbuhan terganggu
- Masalah pertuturan
- Masalah emosi

Bagaimana anda boleh mengelakkan kejadian karies botol susu ?

1. Jangan biarkan bayi anda tertidur dengan botol mengandungi susu atau air manisan di dalam mulut.
2. Jangan bubuh gula dalam susu.
3. Hentikan penggunaan botol dengan cara berperingkat.
4. Bersihkan gigi bayi selepas makan dengan menggunakan tuala atau kain yang lembut dan bersih.
5. Ibu bapa digalakkan memberus gigi anak-anak mereka di bawah umur 6 tahun. Letakkan sedikit sahaja ubat gigi (sebesar biji kacang soya) jika perlu.
6. Bawalah anak anda untuk mendapatkan pemeriksaan pergigian apabila berumur 2-3 tahun.

